

Kuktem, KUTKM pertahan kursus tidak menyimpang

Archival News | Berita Harian | 09/07/2004

DUA daripada kolej universiti awam yang mengkhusus dalam kejuruteraan menegaskan masih melaksanakan konsep pendidikan seperti `fachhochshule', iaitu universiti sains terapan di Jerman, bagi melahirkan jurutera dengan kemahiran yang menekankan aspek `hands-on'.

Rektor, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem), Prof Datuk Dr Abu Azam Md Yassin, berkata proses pendidikan kejuruteraan di kolej universiti itu berdasarkan Buku Panduan Pendidikan Kejuruteraan yang disediakan Institusi Jurutera Malaysia (IEM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (Bem).

Justeru, katanya, Kuktem tidak bimbang mengenai pengiktirafan badan profesional negara ini kerana pengajaran dan pembelajaran kejuruteraannya memenuhi keperluan teori serta praktikal seperti digariskan IEM dan Bem.

"Kuktem melaksanakan konsep pengajaran berasaskan prinsip `learning by doing' kerana selain teori, pelajar mendapat latihan praktikal. Ini berbeza konsep di universiti biasa kerana pelajar bidang kejuruteraan diberi banyak pendedahan teori dan pengajiannya berteraskan penyelidikan.

"Sebaliknya, pelajar kolej universiti mendapat kemahiran tinggi setelah mengikuti pengajian empat tahun selepas Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau matrikulasi. Kuktem yakin graduannya mendapat pengiktirafan penuh IEM atau Bem," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas laporan akhbar bahawa beberapa kolej universiti awam yang sepatutnya menerapkan konsep pendidikan dan latihan kejuruteraan seperti universiti sains terapan di Jerman kini dikatakan menyimpang daripada matlamat asal penubuhannya.

Dr Abu Azam berkata, Kuktem juga tidak bimbang jika dianggap sebagai universiti kelas kedua kerana universiti biasa dan kolej universiti memainkan peranan berbeza.

Sementara itu, Rektor, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Prof Datuk Ismail Hassan, berkata kolej universiti itu masih berpegang kepada pendekatan `hands-on' dalam proses pendidikan kejuruteraannya dengan penekanan 60 peratus praktikal.

Selain teori, pelajarinya diwajibkan mengikuti sesi pembelajaran amali di makmal atau bengkel bagi membolehkan mereka mendapat kemahiran sebelum menamatkan pengajian.

Beliau berkata, kolej universiti itu juga mempunyai hubungan erat dengan industri tempatan dan luar negara, selain menepati piawai ditetapkan IEM atau Bem bagi tujuan akreditasi atau pengiktirafan badan profesional.

"Selain itu, graduan kami juga mempunyai kemahiran dan pengetahuan teori bagi memudahkan mereka diserap dalam pasaran pekerjaan," katanya.

(END) Source : Berita Harian